



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
MERANGKAP Pengerusi Yayasan Kebajikan Negara**

**MAJLIS TANDATANGAN NOTA KERJASAMA ANTARA
YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA &
JABATAN PENJARA
PROGRAM WANITA BANGKIT BERSASAR @KPWKM**

**20 OGOS 2024 (SELASA) | 11.00 pagi
DEWAN RAFFLESIA, PENJARA WANITA KOTA KINABALU**

Kemaskini: 19 Ogos 2024

Terima kasih Pengerusi Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN)

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, saya diberi kekuatan, kesihatan dan kesempatan untuk bersama dalam Majlis Tandatangani Nota Kerjasama antara Yayasan Kebajikan Negara Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia bagi **Program Wanita Bangkit Bersasar @KPWKM** pada pagi yang berbahagia ini.
2. Saya mengalu-alukan kehadiran **Yang Berusaha Tuan Ahmad Faudzi Awang**, Timbalan Komisioner Jeneral Penjara,

(Pemasyarakatan) Jabatan Penjara Malaysia, dan **Yang Berbahagia Datuk Dr. Maziah Che Yusoff**, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang sudi bersama-sama pada hari ini memeterai nota kerjasama antara Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) dan Jabatan Penjara Malaysia bagi Program Wanita Bangkit Bersasar di Kota Kinabalu.

WANITA BANGKIT BERSASAR

3. Inisiatif Program Wanita Bangkit Bersasar ini teretus hasil lawatan saya ke Penjara Wanita Kajang pada Julai 2023 bersama YBhg Komisioner Jeneral Penjara Dato' Seri Haji Nordin bin Haji Muhamad, turut sama dalam lawatan tersebut Yang Berbahagia Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, KSU KPWKM dan Yang Berusaha Puan Nordina binti Haron Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara. Program Wanita Bangkit Bersasar ini diharap dapat membantu wanita dari penjara melalui pendekatan *psychoeducation* bagi meningkatkan jati diri wanita, memberi kesedaran dan penerokaan ilmu baharu

melalui sokongan emosi serta peluang menjana pendapatan seterusnya diintegrasikan ke dalam masyarakat.

4. Dalam lawatan tersebut saya melihat sendiri hasil kerja daripada wanita di penjara seperti penghasilan produk melalui bengkel pembuatan makanan, bengkel jahitan, bengkel kraftangan dan bengkel mencanting batik. Produk yang dihasilkan pula adalah berkualiti tinggi kerana wanita di penjara telah mendapat latihan daripada tenaga pengajar yang berpengalaman. Kemahiran yang telah dipelajari semasa di dalam penjara dapat diteruskan apabila dibebaskan kelak

dengan pemberian insentif Kit Dinamik YKN WBB melalui Program Wanita Bangkit Bersasar.

5. Walau bagaimanapun bagi fasa permulaan program ini, pihak KPWKM melalui YKN telah mengambil inisiatif untuk memasarkan dan mempromosikan produk makanan sejuk beku hasil keluaran Penjara Wanita Kajang melalui platform **Kiosk KASIH YKN** yang disediakan di Kuala Lumpur dan Putrajaya.
6. Menerusi program ini juga, YKN dan Jabatan Penjara Malaysia turut menyediakan sebuah **Anjung WBB YKN @ RPKK di Kota Kinabalu Sabah** sebagai tempat bagi menjana pendapatan

kepada wanita dari penjara melalui kemahiran yang dipelajari semasa menjalani hukuman. Bagi projek rintis ini, Anjung WBB YKN @ RPKK di Kota Kinabalu Sabah akan beroperasi di Taman Olivia, Penampang Kota Kinabalu dan dapat menempatkan seramai 10 orang penghuni wanita pada satu-satu masa yang akan saya rasmikan pada hari ini.

7. Hari ini juga kita akan menyaksikan Majlis Tandatangan Nota Kerjasama antara Yayasan Kebajikan Negara Malaysia dengan Jabatan Penjara Malaysia, penyerahan insentif Kit Dinamik YKN

Wanita Bangkit Bersasar @ KPWKM dan perasmian Anjung WBB YKN @ RPKK di Kota Kinabalu Sabah.

HARAPAN

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

8. Saya berharap dengan adanya Program Wanita Bangkit Bersasar @KPWKM ini, wanita dari penjara dapat dibantu untuk

menjana pendapatan apabila dibebaskan kelak serta diintegrasikan ke dalam masyarakat. Syabas dan tahniah diucapkan kepada peserta yang berada di hadapan saya. Saya sifatkan para peserta yang ada di hadapan saya cukup bertuah kerana terpilih sebagai peserta untuk mengikuti program Wanita Bangkit Bersasar @KPWKM.

9. Dikesempatan ini saya ingin menzahirkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Penjara Malaysia yang membuka ruang serta peluang kepada saya di KPWKM bagi membantu golongan banduan wanita.

Penghargaan juga kepada mereka yang terlibat secara langsung membantu dan menyokong usaha KPWKM bagi memperkasa golongan wanita di Malaysia. Saya berharap program ini dapat diperluaskan lagi dengan jaringan kerjasama antara kementerian, agensi dengan rakan korporat.

10. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan kepada semua. Marilah kita bersama-sama memupuk semangat patriotisme menjelang bulan kebangsaan ini.

11. Saya bersama seluruh warga KPWKM sentiasa bersedia membantu Wanita-wanita mencapai kejayaan. Akhir kata, ayuh Wanita semua kita tingkatkan keyakinan diri dan mengubah hidup ke arah yang lebih baik menjadi wanita hebat.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
20 Ogos 2024 (Selasa)